

**Batu Pahat:** Suasana di perkarangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, bagaikan pesta apabila dibanjiri hampir 1,000 pengunjung bagi memeriahkan program 'Road Tour De Parit Kings' yang dianjurkan penuntut Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Program di bawah mata pelajaran Pengurusan Ko-Kurikulum itu turut mendapat kerjasama Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Parit Raja dan Kelab Kecergasan Jelita dengan menyediakan pelbagai acara menarik kepada orang ramai.

Wakil pengurusan, Muhammad Izwan Ridzuan berkata, empat acara utama digabungkan dalam program itu iaitu berbasikal, senam-robiik, memanah dan sukaneka.

"Selain projek perlu dilaksanakan penuntut fakulti ini, program Road Tour De



AZIZ (tengah bertopi) bersama peserta program Road Tour De Parit Kings.

## 1,000 semarak program riadah

Parit Kings ini bertujuan memperkenalkan aktiviti sukan kepada masyarakat yang memberi pelbagai fa-

edad terutama dalam soal penjagaan kesihatan.

"Selain itu, kami melakukan aktiviti gotong-royong

di Kampung Seri Dalam bagi mencantikkan lagi kawasan kampung terbabit serta mengeratkan silaturahim," katanya.

Menurut Muhammad Izwan, acara berbasikal pula membabitkan kayuhan sejauh 25 kilometer bermula dari UTHM ke Dewan Terbuka Kampung Seri Dalam sebelum berpatah balik ke kampus.

"Bagi aktiviti memanah, kami memberi pendedahan kepada orang ramai untuk mencuba sukan itu melalui bimbingan pemanah profesional," katanya.

Program dirasmikan Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi yang juga Ahli Parlimen Sri Gading.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parit Raja Puan Sri Azizah Zakaria dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM Prof Madya Dr Asri Selamat.